

# PANDANGAN FUQAHĀ *MUTAQADDIMĪN* DAN *MUTA'AKHKHIRĪN* MENGENAI ISU AKAD NIKAH SECARA ATAS TALIAN

## *Mutaqaddimīn and Mutā'akhhirīn's Views on the Issue of Online Marriage Contract*

Ahmad Uzair Izzuddin Ismail\*

Raihanah Azahari \*\*

Zakiul Fuady Muhammad Daud\*\*\*

### ABSTRACT

*Marriage is considered a sacred contract that justify the relationship between a man and a woman. For that reason, the practice of it must abide by the predefined terms and regulations to ensure it is legal according to the Islamic law. Under normal circumstances, solemnization is done based on the defined procedures that obey the pillars of marriage, namely formal exchange of *ijāb* and *qabūl*, presence of two witnesses, the woman's guardian, and both the groom and bride. However, along with the*

---

\* PhD Candidate, Department of Fiqh and Usul, Academy of Islamic Studies, Universiti of Malaya, 50603, Kuala Lumpur. ahmaduzairizzuddin@gmail.com

\*\* Associate Professor, Department of Fiqh and Usul, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, 50603, Kuala Lumpur. raihan@um.edu.my (Corresponding Author)

\*\*\* Lecturer, Department of Tarbiyah, Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri (STAIN), Gajah Putih Takengon Aceh Tengah 24519, Aceh, Indonesia. zakiul\_fuady@yahoo.com

*convenient technological advances, there are a few mechanisms used to tie the marriage knot online. The practice of tying the knot online has been used widely, specifically during the time of Covid-19 pandemic. Following this, the validity of online solemnization has become a topic discussed among the scholars. This article discusses the viewpoints of Islamic jurists (*fuqaha*) including the *mutaqaddimīn* and *muta'akhkirīn* regarding the validity of online solemnization. This qualitative research uses literature review and documentation as the method to collect all the data needed. The research found that some of the *muta'akhkirīn* jurists necessitate online solemnization, given that the practice of it obey the defined terms, and some do not. While majority of *mutaqaddimīn* jurists, except for *Hanafi* jurists, show tendency in not allowing online solemnization.*

**Keywords:** Marriage, Nikah, Akad, Mutaqaddimīn and Muta'akhkirīn, Online Solemnization

## PENGENALAN

Perkembangan teknologi telah memberi banyak manfaat dalam mencukupkan dan mempermudahkan urusan kehidupan harian manusia. Walaubagaimanapun, perkembangan teknologi haruslah diselaraskan dengan syariat Islam berdasarkan mentauhidkan Allah SWT dan mentaati segala perintah serta menjauhi segala larangan-Nya.<sup>1</sup> Dalam konteks semasa, timbul pelbagai persoalan baru terhadap hukum fiqh sejajar dengan perkembangan teknologi, antaranya adalah pernikahan secara dalam talian atau *nikah online*. Isu ini tidak pernah dibincangkan secara jelas oleh fuqaha *mutaqaddimīn* memandangkan teknologi rangkaian internet belum wujud pada masa lalu. Justeru, ijтиhad yang dilakukan fuqaha *muta'akhkirīn* telah mencetuskan perdebatan dalam menentukan kesahihan kaedah ini. Meskipun begitu, perbahasan oleh para

<sup>1</sup> Wan Mohamed Radzi, C., & Bakar, O., "Teknologi Menurut Perspektif Barat dan Islam," *Jurnal Usuluddin* 3 (1996), 151.

fuqaha *mutaqaddimīn* yang menjurus ke arah perbincangan ini masih boleh dijadikan kayu ukur untuk membandingkan pandangan mereka dengan fuqaha *muta'akhkirīn*.

Berdasarkan penelitian terhadap beberapa kajian dan penulisan mengenai isu ini, konsep akad nikah secara atas talian sememangnya telah dibincangkan dengan terperinci. Kebanyakan penulis menghubungkan perbahasan konsep akad nikah dari sudut rukun dan syarat dengan kaedah pelaksanaan akad nikah secara atas talian. Perbahasan-perbahasan yang dihuraikan cuba dikaitkan seboleh mungkin dengan teori-teori yang dikemukakan oleh para fuqaha silam terutamanya berkaitan dengan perbahasan mengenai syarat *ijāb* dan *qabūl*, *ittihād al-majlis* dan saksi yang buta atau pekak. Namun, dalam masalah pernikahan secara panggilan suara dan sidang video, perbahasan lebih ditumpukan kepada pendapat dan hujah daripada kalangan fuqaha *muta'akhkirīn*.

Memandangkan akad nikah secara atas talian boleh dilangsungkan dalam medium yang pelbagai, masing-masing mengambil pendekatan tersendiri dalam mengungkapkan idea mereka. Misalnya, ‘Abd al-Rahīm Ṣāliḥī<sup>2</sup> dalam tulisan beliau hanya menghuraikan satu kaedah iaitu akad nikah melalui e-mel, sementara ‘Abd al-Ilāh bin Mazrū‘ al-Mazrū‘<sup>3</sup> menghuraikan dua kaedah iaitu melalui percakapan (*al-mukhāṭabah*) dan tulisan (*al-kitābah*). Mufidah ‘Abd al-Wahhāb Muḥammad Ibrāhīm<sup>4</sup> dan Muḥammad Azwar Kamaruddin<sup>5</sup> pula masing-masing menyebutkan tiga kaedah dalam melangsungkan akad nikah secara atas talian. Mufidah dalam penulisan beliau menyenaraikan tiga kaedah iaitu melalui faks (dan medium seumpamanya yang

<sup>2</sup> Ṣāliḥī, ‘Abd al-Rahīm, “In‘iqād al-Ziwāj bi al-Barīd al-Iliktrūnī Dirāsah Muqāranah Bayna al-Fiqh al-Islāmī wa al-Qānūn al-Jazā’irī”, *Majallah al-Dafātir al-Siyāsah wa al-Qānūn (Journal of Politic and Law)* 7 (2012), 189-196.

<sup>3</sup> ‘Abd al-Ilāh bin Mazrū‘ al-Mazrū‘, ‘Aqd al-Ziwāj ‘Abr al-Intarnit (t.t.p.: t.p., t.t.).

<sup>4</sup> Mufidah ‘Abd al-Wahhāb Muḥammad Ibrāhīm, “Hukm Ijrā‘ Aqd al-Nikāḥ ‘Abr al-Wasā’il al-Iliktrūniyyah al-Ḥadīthah,” dalam *Majallah Kulliyah al-Syari‘ah wa al-Qānūn*, Jāmi‘ah al-Azhar, vol. 20, no. 2 (2018), 1219-1248.

<sup>5</sup> Kamaruddin, M.A., “Marriage Contact Using The Internet,” *Malaysian Journal of Syariah and Law* 7 (2018), 227-258.

menggunakan tulisan), telefon (dan medium seumpamanya yang menggunakan suara), dan internet yang merujuk kepada panggilan video, begitu juga Kamaruddin menyebutkan kaedah akad nikah melalui tulisan, percakapan dengan suara dan juga komunikasi yang merangkumi suara dan video secara serentak. Justeru, secara keseluruhannya, akad nikah secara atas talian boleh berlaku sama ada secara mesej, panggilan suara, ataupun sidang video seperti mana akan dijelaskan selepas ini.

Berdasarkan analisis terhadap penulisan-penulisan tersebut, didapati masing-masing telah membincangkan perbahasan fuqaha sama ada yang mengharuskan akad nikah secara atas talian atau menolaknya dengan mengemukakan dalil dan hujah masing-masing. Walau bagaimanapun, dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak semuanya sehaluan dalam menyatakan kecenderungan masing-masing. Mufidah, ‘Abd al-Ilāh dan Ṣāliḥī masing-masing didapati menerima keharusan pernikahan secara atas talian, dengan syarat ia hanya terhad kepada pihak yang tidak boleh melakukan akad dengan cara biasa. Kamaruddin pula menolak keabsahan pernikahan dengan kaedah ini, meskipun di akhirnya beliau bersetuju bahawa kelonggaran boleh diberikan hanya pada kaedah akad nikah secara sidang video bagi mereka yang tidak boleh berada dalam satu majlis.

Dengan mengambil kira penulisan-penulisan yang telah ada, masih belum ada penulisan yang membandingkan pandangan fuqaha *mutaqaddimīn* dan fuqaha *muta’akhkhirīn* mengenai isu ini. Justeru, artikel ini akan membincangkan pendapat kedua-dua golongan fuqaha serta cuba untuk membandingkan pendapat antara mereka dan seterusnya menyimpulkan pandangan-pandangan tersebut terhadap isu ini.

## **PERNIKAHAN DALAM ISLAM**

Nikah merupakan sebuah akad yang menghalalkan persetubuhan antara lelaki dan wanita selagi wanita tersebut bukanlah haram dikahwini sama ada dari segi keturunan, saudara susuan ataupun perkahwinan.<sup>6</sup> Ia disyariatkan oleh Allah SWT kepada

---

<sup>6</sup> Al-Zuhaylī, Wahbah, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh* (Damsyiq: Dār al-Fikr, 1985), 7: 29.

manusia sebagai satu wasilah untuk menjaga hawa nafsu dengan menghalalkan hubungan sebagai suami isteri di samping menjaga keturunan dan nasab keluarga. Ia disyariatkan berdasarkan firman Allah SWT:

فَإِنْ كِحُوا مَا طَابَ لَكُمْ مِّنَ النِّسَاءِ مَثْنَى وَثُلَثَ وَرُبَاعٌ فَإِنْ خَفِيْتُمْ  
اَلَّا نَعْلَمُ فَوْجَدَةً اَوْ مَا مَلَكَتْ اِيمَانَكُمْ

“Maka berkahwinlah dengan sesiapa yang kamu berkenan dari perempuan-perempuan: dua, tiga atau empat. Kemudian jika kamu bimbang tidak akan berlaku adil (di antara isteri-isteri kamu) maka (berkahwinlah dengan) seorang sahaja, atau (pakailah) hamba-hamba perempuan yang kamu miliki.”

(Surah al-Nisā’, 4: 3)

Pensyariatan perkahwinan juga bertujuan memastikan kelangsungan hidup manusia dan membina institusi keluarga sejahtera yang merupakan salah satu komponen daripada masyarakat.<sup>7</sup> Malahan, Rasulullah SAW sendiri menggalakkan umat Baginda daripada kalangan pemuda-pemuda yang berkemampuan untuk berkahwin menerusi sabda Baginda SAW dalam sebuah hadis:

يَا مَعْشَرَ الشَّبَابِ، مَنْ أَسْتَطَاعَ مِنْكُمُ الْبَاءَةَ، فَلِيَتَزَوَّجْ، فَإِنَّهُ  
أَغَصْ لِلْبَصَرِ، وَأَحْصَنْ لِلنَّفَرِ

“Wahai para pemuda, barangsiapa antara kalian yang berkemampuan, maka berkahwinlah, maka sesungguhnya ia lebih berkesan menundukkan

<sup>7</sup> *Ibid.*, 31.

*pandangan dan lebih menjaga kemaluan.”<sup>8</sup>*

Dalam melangsungkan perkahwinan, ia tertakluk kepada beberapa rukun dan syarat yang mesti dipenuhi untuk mengesahkan akad tersebut. Perbahasan dalam menetapkan rukun dan syarat bagi akad nikah pula berbeza antara mazhab-mazhab yang muktabar. Misalnya, para fuqaha Hanafiyah mengatakan bahawa rukun nikah hanyalah dua perkara iaitu *ijāb* dan *qabūl* sementara jumhur fuqaha sepakat dalam empat rukun nikah iaitu *sīghah* (merangkumi *ijāb* dan *qabūl*), pasangan lelaki, pasangan wanita dan juga wali.<sup>9</sup> Tanpa salah satu daripada rukun dan syarat tersebut akan menyebabkan akad nikah tidak sah atau rosak.

## PERNIKAHAN SECARA ATAS TALIAN

Seperti yang telah diketahui, perkembangan teknologi telah mewujudkan pelbagai perkara baru yang memerlukan penelitian dari sudut syarak sama ada ia dibenarkan ataupun tidak. Ini kerana ia merupakan suruhan dalam syariat Islam sendiri untuk memastikan hala tuju kehidupan manusia tidak lari daripada tujuan asal mereka iaitu beribadah kepada Allah SWT. Firman Allah SWT:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّةَ وَالْإِنْسَانَ إِلَّا لِيَعْبُدُونَ  
٥١

*“Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu.”*

(Surah al-Dhāriyāt, 51: 56)

Pernikahan secara atas talian merupakan salah satu daripada kesan interaksi antara teknologi dan syariat Islam yang memerlukan kepada penelitian dari sudut syarak. Ini kerana ia merupakan

<sup>8</sup> Hadis riwayat ‘Abdullah bin Mas’ūd dalam Sunan al-Nasā’ī (2562). Lihat Imam Abū ‘Abd al-Rahmān Ahmād Bin Syu‘ayb Al-Nasā’ī, *Al-Sunan al-Kubrā*. Ed. Ḥasan ‘Abd al-Mun‘im. Cetakan Pertama. (Beirūt: Mu’assasah al-Risālah, 2001), Jilid. 3, 139. Juga diriwayatkan oleh Bukhārī (1905), Muslim (1400), Abū Dāwūd (2046), Ibn Mājah (1845) dan Tirmizi (1081).

<sup>9</sup> Al-Zuhaylī, Wahbah, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, 36.

perkara yang belum pernah berlaku pada zaman dahulu dan sudah tentu tidak dibahaskan oleh para fuqaha silam dengan terperinci mengenainya. Selain itu, Islam juga meletakkan prinsip yang ketat dalam melangsungkan perkahwinan iaitu berdasarkan kaedah *al-asl fī al-abdā' al-tahrīm* (pada asalnya persetubuhan adalah haram sehingga ada perkara yang mengharuskannya) di mana aplikasi kaedah ini menatijahkan apabila bertembungnya hukum halal dan haram bagi menentukan hukum sesuatu perkahwinan, hukum haram adalah lebih patut diambil.<sup>10</sup>

Berbeza dengan perkara-perkara lain seperti muamalat dan pemakanan yang lebih longgar dari segi prinsipnya iaitu berdasarkan kaedah *al-asl fī al-asyyā' al-ibāhah* yang bermaksud pada asalnya sesuatu perkara itu harus sehingga ada dalil yang mengharamkannya.<sup>11</sup> Hal ini demikian, Islam begitu menjaga dan meninggikan kehormatan manusia untuk mengelakkan sebarang kemungkinan yang akan menyebabkan mereka melakukan perzinaan kerana hasil daripada perzinaan akan menyebabkan *maqāṣid al-syarī'ah* tidak dapat direalisasikan akibat kerosakan dalam institusi keluarga dan masyarakat. Bahkan Allah SWT sendiri mengharamkan manusia daripada perbuatan mendekati zina, maka hukum haram tersebut adalah lebih berat pada perbuatan berzina itu sendiri.

Melihat kepada akad nikah melalui internet, ia boleh dilaksanakan dengan jarak jauh tanpa kedua-dua pihak iaitu wali dan pasangan lelaki perlu untuk hadir bertemu dalam satu tempat atau majlis. Pernikahan secara atas talian boleh dibahagikan kepada tiga kaedah,<sup>12</sup> iaitu:

## 1. Pernikahan Melalui Mesej

Pernikahan secara atas talian melalui mesej boleh berlaku melalui

<sup>10</sup> Jalāl al-Dīn ‘Abd al-Rahmān al-Suyūtī, *al-Asybāh wa al-Naẓā’ir Fī Qawā'id wa Furū' Fiqh al-Syāfi'iyyah*, Cetakan Pertama (Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1983), 61.

<sup>11</sup> *Ibid.*, 60. Ini merupakan kaedah yang digunakan oleh jumhur fuqaha. Adapun fuqaha Ḥanafiyah sebaliknya menggunakan kaedah *al-asl fī al-asyyā' al-tahrīm*.

<sup>12</sup> Kamaruddin, M.A. "Marriage Contact Using The Internet," (2018), 228.

pelbagai medium iaitu antaranya ialah melalui aplikasi *Facebook Messenger*, *Whatsapp*, *Telegram*, *WeChat* dan sebagainya. Kedua-dua belah pihak yang berakad mestilah boleh berhubung melalui aplikasi-aplikasi yang digunakan dan mempunyai rangkaian internet yang laju untuk membolehkan mereka berkomunikasi antara satu sama lain dengan lancar. Akad nikah boleh berlaku dalam dua cara iaitu pertama; wali menghantar mesej lafaz *ijāb* kepada pasangan lelaki, dan pasangan lelaki akan membalas dengan mesej lafaz *qabūl* sambil disaksikan oleh dua orang saksi. Kedua; akad nikah dilaksanakan dalam suatu forum maya atau kumpulan yang disertai oleh kedua-dua pihak yang berakad dan dua orang saksi untuk menyaksikan lafaz *ijāb* dan *qabūl* tersebut melalui mesej yang dihantar. Melalui kaedah ini, kedua-dua pihak yang berakad dapat berhubung secara langsung tetapi saling tidak dapat melihat rupa fizikal dan mendengar suara antara mereka kerana akad hanya berlangsung secara bertulis tanpa ada suara dan video.

## 2. Pernikahan Melalui Panggilan Suara

Pernikahan melalui cara ini boleh berlangsung melalui beberapa medium sama ada melalui panggilan nombor talian pengguna (*phone call*), ataupun melalui medium *Facebook Messenger*, *Whatsapp*, *Telegram*, *WeChat*, *Skype*, *Google Voice* dan lain-lain. Kedua-dua belah pihak juga mestilah boleh berhubung dengan aplikasi-aplikasi yang digunakan dan mempunyai rangkaian internet yang laju untuk melancarkan proses akad nikah. Pernikahan berlangsung dengan cara wali tersebut mengungkapkan lafaz *ijāb* yang dapat didengari oleh pasangan lelaki dan pasangan lelaki tersebut melafazkan *qabūl* sambil didengari oleh dua orang saksi, ataupun kesemua pihak berada dalam satu forum maya atau kumpulan dan melangsungkan akad nikah dalam forum tersebut. Perbezaan medium pernikahan ini dengan akad nikah biasa adalah semua pihak yang terlibat iaitu kedua-dua belah pihak yang berakad dan dua orang saksi tidak dapat melihat rupa fizikal masing-masing ketika akad tersebut berlangsung dan kedua-dua belah pihak yang berakad tidak berada dalam satu tempat.

### 3. Pernikahan Melalui Sidang Video

Pernikahan melalui cara ini adalah yang paling mirip dengan pernikahan biasa di mana kesemua pihak yang terlibat boleh mendengar suara dan melihat rupa fizikal masing-masing ketika melangsungkan akad tersebut, cuma mereka juga tidak berada dalam satu tempat. Ia boleh berlangsung melalui pelbagai aplikasi, antaranya ialah *Facebook Messenger*, *Whatsapp*, *Google Meet*, *Zoom*, *Skype* dan lain-lain aplikasi.

Berdasarkan kaedah-kaedah pernikahan atas talian yang telah disenaraikan, terdapat beberapa kelemahan yang dapat dikenalpasti.<sup>13</sup> Antaranya adalah ia terdedah kepada unsur penipuan dan bermain-main dengan akad nikah. Terutamanya bagi pernikahan melalui mesej yang mungkin boleh berlaku penyamaran individu kerana tidak ada suara ataupun video yang boleh mengesahkan secara pasti identiti kedua-dua belah pihak. Bagi pernikahan panggilan suara dan sidang video pula, penipuan boleh berlaku dengan cara memanipulasikan suara dan video untuk menyerupai orang lain dan ini boleh dilakukan dengan pelbagai aplikasi yang terdapat sama ada dalam telefon atau komputer. Selain itu, boleh berlaku masalah luaran yang menyebabkan terganggunya proses perlangsungan akad nikah seperti kelambatan atau terputusnya rangkaian internet ataupun alat komunikasi yang digunakan seperti telefon dan komputer mengalami gangguan atau kerosakan. Perkara ini akan menyebabkan ungkapan *ijāb* dan *qabūl* tidak dapat berjalan secara lancar atau terpisah dan akan membatalkan akad tersebut.

### **PANDANGAN FUQAHĀ *MUTAQADDIMĪN***

Fuqaha daripada kalangan *mutaqaddimīn* tidak pernah membahaskan mengenai pernikahan secara atas talian dengan terperinci, namun ia masih boleh dikaitkan dengan beberapa perbahasan mereka yang sedia ada mengenai akad nikah iaitu pada perbahasan mengenai ungkapan *ijāb* dan *qabūl*, *ittihād al-majlis* (berada dalam satu majlis) dan penyaksian oleh orang buta dan pekak.

---

<sup>13</sup> Kamaruddin, M.A., “Marriage Contact Using The Internet,” (2018), 241 - 250.

## 1. *İjāb* dan *Qabūl*

Dalam rukun nikah, para fuqaha bersepakat bahawa *ijāb* dan *qabūl* merupakan sebahagian daripada rukun nikah.<sup>14</sup> Fuqaha Ḥanafiyah mengatakan bahawa rukun nikah hanyalah *ijāb* dan *qabūl* tanpa menambah apa-apa rukun lain.<sup>15</sup> Secara asasnya, *ijāb* dan *qabūl* boleh berlaku dalam tiga bentuk iaitu ucapan, tulisan dan juga isyarat. Fuqaha bersepakat bahawa lafaz *ijāb* dan *qabūl* dalam nikah dikira sah dan terlaksana secara lafaz dengan perkataan *inkāḥ* (pernikahan) dan *tazwīj* (perkahwinan).<sup>16</sup> Mengenai ungkapan secara tulisan dan isyarat pula, terdapat perbahasan yang berlaku antara para fuqaha, iaitu sama ada mereka berada dalam satu majlis atau tidak. Dalam keadaan mereka bersama dalam satu majlis, tiada khilaf antara fuqaha bahawa kaedah tulisan dan isyarat tidak boleh digunakan dalam melafazkan akad nikah walaupun tulisan dan isyarat tersebut jelas menunjukkan persetujuan dalam akad nikah. Hal ini demikian, kedua-dua pihak berkemampuan untuk bertutur menggunakan lidah serta tiada keperluan mendesak (darurat) dalam menggunakan kaedah tulisan

<sup>14</sup> Muhammad Abū Zuhrah, *Al-Ahwāl al-Syakhṣiyah*. Cetakan Ketiga. T.t.p. (Dār al-Fikr al-‘Arabī, 1958), 40.

<sup>15</sup> ‘Alā’ al-Dīn Abī Bakr Bin Mas‘ūd Al-Kasānī (2003). *Badā’i‘ al-Šanā‘i‘ Fī Tartīb al-Syarā‘i‘*. Eds. Syeikh ‘Alī Muhammad dan Syeikh ‘Ādil Aḥmad. Cetakan Kedua. (Beirūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2003), Jilid 3, 317.

<sup>16</sup> Rujukan Mazhab Ḥanafī: ‘Alā’ al-Dīn Abī Bakr Bin Mas‘ūd Al-Kasānī (2003). *Badā’i‘ al-Šanā‘i‘ Fī Tartīb al-Syarā‘i‘*, (2003), Jilid 3, 317; rujukan Mazhab Mālikī: Muḥammad Bin Muḥammad Bin ‘Abd al-Rahmān Muḥammad Bin Muḥammad Bin ‘Abd al-Rahmān Al-Haṭṭābī, *Mawāhib al-Jalīl Li Syarḥ Mukhtaṣar Khalīl*. Ed. Zakariyā ‘Amīrāt (Bayrūt: Dār ‘Ālim al-Kutub, 2003), 5: 43; rujukan Mazhab Syāfi‘ī: Syams al-Dīn Bin Muḥammad Bin Muḥammad al-Khaṭīb al-Syarbīnī, *al-Iqnā‘ Fī Hilli Alfāz Abī Syūfā*. Eds, ‘Alī Muḥammad Mu‘awwad dan ‘Ādil Aḥmad ‘Abd al-Mawjūd. Cetakan Ketiga (Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2003), 2: 245; rujukan Mazhab Ḥanbalī: Mansur Bin Yūnus Bin Idrīs al-Bahūtī, *Syarḥ Muntahā al-Irādāt al-Musammā Daqā‘iq Ūlī al-Nuhā Li Syarḥ Muntahā*. Cetakan Pertama (Bayrūt: ‘Ālam al-Kutub 1993), 2: 631.

dan isyarat.<sup>17</sup> Lebih-lebih lagi ungkapan *ījāb* dan *qabūl* secara lafaz lebih kuat dan jelas dari segi maknanya berbanding tulisan dan isyarat. Walau bagaimanapun, fuqaha bersepakat bahawa terdapat pengecualian yang diberikan kepada orang yang bisu iaitu mereka boleh mengungkapkan *ījāb* dan *qabūl* secara tulisan dan isyarat kerana ia dianggap darurat. Namun begitu, ungkapan *ījāb* dan *qabūl* adalah lebih afdal dilakukan secara tulisan kerana ia dianggap lebih jelas daripada isyarat.<sup>18</sup>

Dalam keadaan mereka tidak berada dalam satu majlis pula iaitu salah satu daripada pihak yang berakad tidak dapat menghadirkan diri, jumhur fuqaha mengatakan bahawa ianya tidak sah untuk melakukan akad secara bertulis atau mengutus surat kerana tulisan dianggap *kināyah* (kiasan) yang memerlukan kepada penjelasan maksud sebenar oleh pengucapnya manakala sebahagian fuqaha Ḥanafiyah seperti Abū Yūsuf<sup>19</sup> dan Ibn ‘Ābidīn<sup>20</sup> mengatakan bahawa ianya sah kerana apabila satu pihak itu mengutuskan surat lafaz *ījāb* kepada pihak yang lain, lalu pengutus tersebut membacakan akad *ījāb* tersebut dan pihak yang lain menerima dengan lafaz *qabūl* sambil didengari dan disaksikan oleh dua

<sup>17</sup> Rujukan Mazhab Ḥanafī: Zayn al-Dīn Bin Ibrāhīm Bin Muḥammad Ibn Nujaym, *Al-Bahr al-Rā’iq Syarh Kannz al-Daqā’iq*. Cetakan Kedua (Qāhirah: Dār al-Kitāb al-Islāmī, t.t.), 3: 90; rujukan Mazhab Mālikī: Abū al-‘Abbās Ahmād Bin Muḥammad al-Ṣāwī, *Bulghah al-Sālik li Aqrab al-Masālik (Hāsyiah al-Ṣāwī ‘Alā Syarḥ al-Saghīr)*. (t.t.p., Dār al-Ma‘ārif, t.t.), 2: 350; Mazhab Syāfi‘ī: Syams al-Dīn Bin Muḥammad Bin Muḥammad al-Khaṭīb al-Syarbīnī, *Mughnī al-Muhtāj Ilā Ma’rifah Ma’tāni Alfāz al-Minhāj*. Eds. ‘Alī Muḥammad Mu’awwad dan ‘Adil Ahmād ‘Abd al-Mawjūd. (Beyrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2000), 4: 230; rujukan Mazhab Ḥanbalī: Muṣṭafā Bin Sa’d Bin ‘Abduh al-Suyūtī al-Rahībānī (1994), *Maṭālib Ūlī al-Nuhā Fī Syarḥ Ghāyah al-Muntahā* (Bayrūt: al-Maktab al-Islāmī, 1994), 5: 50.

<sup>18</sup> Muṣṭafā Bin Sa’d Bin ‘Abduh al-Suyūtī al-Rahībānī, *Maṭālib Ūlī al-Nuhā Fī Syarḥ Ghāyah al-Muntahā*. (1994), 5: 50.

<sup>19</sup> ‘Alā’ al-Dīn Abī Bakr Bin Mas‘ūd Al-Kasānī, *Badā’i‘ al-Ṣanā’i‘ fī Tartīb al-Syara‘i‘*.(2003), 3: 326.

<sup>20</sup> Muhammad Amīn Ibn ‘Ābidīn, *Radd al-Mukhtār ‘Alā al-Durr al-Mukhtār Syarḥ Tanwīr al-Absār*. Eds. Syeikh ‘Adil Ahmād ‘Abdul Mawjūd dan Syeikh ‘Alī Muḥammad Mu’awwad (Riyāḍ: Dār ‘Alīm al-Kutub, 2003), 4: 73-74.

orang saksi, ia dikira sebagai berada di dalam satu majlis dari sudut makna kerana ucapan daripada pihak pengutus merupakan ucapan daripada pihak yang mengutuskannya dan begitu juga tulisan dalam surat dianggap daripada pengutusnya juga. Kaedah oleh fuqaha Ḥanafiyah menganggap bahawa tulisan atau surat daripada orang yang tidak dapat hadir adalah sama keadaannya seperti kata-kata orang yang hadir.<sup>21</sup>

## 2. *Ittihād al-Majlis*

Dari sudut *ittihād al-majlis* (berada bersama dalam satu majlis) atau *ittihād al-zamān* (berada bersama dalam satu masa), terdapat perbahasan di kalangan fuqaha mengenai perkara ini. Fuqaha Ḥanafiyah mengatakan bahawa syarat bagi *ijāb* dan *qabūl* ialah *ittihād al-majlis* dan *ittihād al-zamān*.<sup>22</sup> Oleh itu, sekiranya seseorang melafazkan *ijāb* dan pihak yang lain meninggalkan majlis tersebut, maka ia dikira terbatal. Walau bagaimanapun, tidak disyaratkan bersegera tetapi mestilah jarak masa antara *ijāb* dan *qabūl* itu tidak terlalu panjang.<sup>23</sup> Fuqaha Mālikiyah pula berpandangan bahawa perlu bersegara untuk melafazkan *qabūl* dan masih sah akad nikah sekiranya *ijāb* dan *qabūl* terpisah dalam jangka masa pendek.<sup>24</sup> Fuqaha Syāfi‘iyyah pula berpendapat bahawa disyaratkan bersegera antara *ijāb* dan *qabūl* dalam majlis tersebut dan tidak sah akad nikah sekiranya jarak

<sup>21</sup> ‘Alā’ al-Dīn Abī Bakr Bin Mas‘ūd Al-Kasānī, *Badā’i‘ al-Ṣanā’i‘ Fī Tartīb al-Syarā’i‘*. (2003) Jilid. 3, 326.

<sup>22</sup> Ḥāfiẓ al-Dīn al-Nasfī, *al-Bahr al-Rā’iq Sharḥ Kanz al-Daqā’iq (Fī Furū‘ al-Ḥanafiyah)*. Cetakan Pertama (Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1993). Jilid. 3, 148. Lihat juga Muḥammad Amīn Ibn ‘Ābidīn, *Radd al-Mukhtār ‘Alā al-Durr al-Mukhtār Syarḥ Tanwīr al-Abṣār*. (2003), Jilid. 4, 70.

<sup>23</sup> Ḥāfiẓ al-Dīn al-Nasfī, *Al-Bahr al-Rā’iq Syarḥ Kanz al-Daqā’iq (Fī Furū‘ al-Ḥanafiyah)*. (1997), Jilid. Ketiga, 148.

<sup>24</sup> Abū ‘Abdullāh Muḥammad Bin Muḥammad Bin ‘Abd al-Rahmān Al-Ḥaṭṭābī *Mawāhib al-Jalīl Li Syarḥ Mukhtaṣar Khalīl*. (Beirūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2003). Jilid Kelima, , 47.

masa antara keduanya panjang.<sup>25</sup> Manakala Fuqaha Hanābilah mengatakan bahawa sekiranya lafaz *qabūl* dilewatkhan daripada lafaz *ijāb* sehingga terpisahnya majlis, ataupun kedua-dua pihak menyibukkan diri dengan perkara lain yang memisahkan kedua lafaz tersebut secara uruf yang akan menyebabkan akad tersebut terbatal.<sup>26</sup> Oleh itu, boleh dikatakan bahawa para fuqaha bersepakat dalam menentukan *ittiḥād al-majlis* sebagai syarat nikah, meskipun mereka perbeza pendapat dalam menyentuh perkara *firū'* seperti jarak masa antara lafaz *ijāb* dan *qabūl*.

### 3. Saksi Buta dan Pekak

Jumhur fuqaha menyatakan bahawa saksi merupakan syarat bagi nikah<sup>27</sup> sementara fuqaha Shāfi'iyyah berpendapat bahawa ia adalah rukun.<sup>28</sup> Ini adalah berdasarkan hadis:

عَنْ عَائِشَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ قَالَ: لَا نِكَاحٌ إِلَّا بِوْلَيٍّ  
وَشَاهِدَيْ عَدْلٍ

*“Dari pada ‘Ā’isyah RA bahawa Rasulullah SAW telah bersabda: Tiada pernikahan kecuali dengan*

<sup>25</sup> Muhy Al-Dīn Abī Zakariyyā Bin Syaraf Al-Nawawī. *Rawḍah al-Tālibīn Wa ‘Umdah al-Mufīn*. Cetakan Ketiga. (Beirūt: Al-Maktab al-Islāmī, 1991). Jilid. Ketujuh, 37-38. Lihat juga Jalāl al-Dīn Muhammad Bin Ahmad Bin Muhammad Al-Mahallī (2013). *Kanz al-Rāghibīn Syarḥ Minhāj al-Tālibīn*. Cetakan Kedua. (Jeddah: Dār al-Minhāj, 2013). Jilid Kedua, 209-210.

<sup>26</sup> Mansur Bin Yūnus Bin Idris Al-Bahūtī (1993). *Syarḥ Muntahā al-Irādāt al-Musammā Daqā’iq Ūlī al-Nuhā Li Syarḥ Muntahā*, (1993), Jilid. Kedua, 633.

<sup>27</sup> Abū al-Walīd Muhammad Bin Ahmad Bin Muḥammad Bin Rusyd, Bidāyah al-Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtaṣid. Ed. Muhammed Subḥī Hasan Ḥalāq. Cetakan Pertama. (Qāhirah: Maktabah Ibn Taymiyyah, 1995), Jilid Ketiga, , 35.

<sup>28</sup> Muhy Al-Dīn Abī Zakariyyā Bin Syaraf Al-Nawawī, *Rawḍah al-Tālibīn* (1991). Jilid. Ketujuh, , 45.

*wali dan dua orang saksi yang adil.”<sup>29</sup>*

Bagi syarat kebolehan saksi untuk melihat, fuqaha Syāfi‘iyyah menetapkan bahawa saksi mestilah boleh melihat dan mendengar untuk mengesahkan akad nikah tersebut berdasarkan pendapat yang paling kuat dalam mazhab ini.<sup>30</sup>

Sementara jumhur termasuk pendapat yang lain dalam mazhab Syāfi‘i berpendapat tidak mengapa sekiranya saksi tersebut buta asalkan boleh mengenalpasti dan membezakan suara orang yang berakad dengan suara orang lain.<sup>31</sup> Oleh yang demikian, akad nikah tidak sah sekiranya saksi merupakan orang yang tidur, pekak dan mabuk di sisi jumhur<sup>32</sup> dan fuqaha Syāfi‘iyyah menambah lagi iaitu tidak sah juga penyaksian orang yang buta dalam akad nikah.<sup>33</sup> Disyaratkan juga untuk saksi yang mendengar akad nikah berkebolehan untuk memahami ucapan kedua-dua pihak yang berakad kerana tujuan disyariatkan penyaksian dalam akad nikah tidak akan tercapai sekiranya mereka sendiri tidak memahami lafaz akad nikah yang diungkapkan.<sup>34</sup>

## **KESIMPULAN PANDANGAN FUQAHĀ MUTAQADDIMĪN TERHADAP HUKUM AKAD NIKAH SECARA ATAS TALIAN**

Berdasarkan perbahasan-perbahasan daripada fuqaha mutaqaddimīn yang telah dibincangkan, boleh dikatakan bahawa

<sup>29</sup> Hadis riwayat Ibn Ḥibbān (4080). Lihat ‘Alā’ al-Dīn Bin Balbān al-Fārisī, *al-Iḥsān fī Taqrīb Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān*. Ed Markaz al-Buhūth Wa Taqnīyah al-Mā‘lūmāt. Cetaka Pertama (Bayrūt: Dār al-Ta’sīl, 2014) Jilid Kelima, 89.

<sup>30</sup> Muhy Al-Dīn Abī Zakariyyā Bin Syaraf Al-Nawawī, *Rawḍah al-Tālibīn*.(1991) Jilid. Ketujuh, 45. Lihat juga Jalāl al-Dīn Muḥammad Bin Aḥmad Bin Muḥammad Al-Maḥallī, *Kanz al-Rāghibīn*. (2013), Jilid. Kedua, , 212.

<sup>31</sup> Al-Zuhaylī, Wahbah, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*. (1985), Jilid. 7, 76.

<sup>32</sup> *Ibid.*, 76-77.

<sup>33</sup> Al-Zuhaylī, Muhammad, *al-Mu’tamad fī al-Fiqh al-Shāfi‘ī*. Cetakan Ketiga. (Damsyiq: Dār al-Qalam, 2011), Jilid. Keempat, 69.

<sup>34</sup> Al-Zuhaylī, Wahbah, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh* (1985), Jilid. 7, 77.

jumhur fuqaha dari kalangan Mālikiyah, Syāfi'iyyah dan Ḥanābilah menolak keharusan bernikah secara mesej sementara fuqaha Ḥanafiyah mengharuskannya. Hujah bagi pendapat jumhur adalah tidak sah akad nikah secara mesej kerana lafaz *ijāb* dan *qabūl* secara bertulis adalah *kināyah* yang memerlukan kepada penjelasan maksud sebenar oleh pengucapnya. Selain itu, pernikahan secara bertulis juga tidak membolehkan saksi untuk mendengar ungkapan *ṣīghah ijāb* dan *qabūl* yang merupakan syarat sah akad nikah kerana mesej tidak mengandungi bunyi atau suara yang membolehkan kedua-dua pihak mendengar antara satu sama lain.

Di sisi fuqaha Ḥanafiyah pula, pernikahan secara atas talian melalui mesej adalah sah sekiranya akad nikah tersebut berlangsung dalam keadaan kedua-dua pihak tidak dapat hadir dalam satu majlis dan pihak yang berakad menggunakan medium mesej sebagai perantaraan, dengan syarat, mesej lafaz *ijāb* tersebut perlulah dibaca dan didengar oleh dua orang saksi dan begitu juga syaratnya dengan lafaz *qabūl*. Dari aspek *ittihād al-majlis* pula, lafaz akad nikah melalui mesej dianggap bertepatan dan tidak bercanggah dengan aspek ini kerana kaedah fuqaha Ḥanafiyah yang menyebutkan bahawa tulisan orang yang tidak hadir dianggap sama seperti kata-kata orang yang hadir.

Seperti yang telah disebutkan sebelum ini bahawa pernikahan secara mesej boleh berlaku dalam dua cara, iaitu sama ada kedua-dua pihak berhubung secara langsung melalui mesej dan disaksikan oleh dua orang saksi, ataupun mereka berkumpul bersama dua orang saksi dalam satu forum maya atau kumpulan sebagai medium untuk melafazkan akad. Oleh itu, akad nikah hanya sah pada cara yang pertama kerana saksi masih boleh mendengar lafaz *ijāb* dan *qabūl* oleh pihak yang berakad kerana ia dibacakan di hadapan mereka, sementara cara yang kedua pula tidak sah kerana saksi tidak dapat mendengar *ṣīghah ijāb* dan *qabūl* ketika ia diungkapkan kerana mereka tidak berada pada satu tempat untuk mendengar suara pihak yang berakad.

Berkenaan pernikahan secara panggilan suara dan sidang video pula, tidak dapat disimpulkan secara jelas pandangan fuqaha *mutaqaddimīn* mengenai perkara ini kerana tidak dijumpai perbahasan yang menghuraikan dengan tuntas mengenai apakah

yang dimaksudkan dengan *ittihād al-majlis*. Adakah ia bermaksud kedua-dua pihak yang berakad dan juga dua orang saksi mesti berada bersama secara fizikal iaitu berada dalam satu tempat ataupun memadai berada bersama dalam satu masa sahaja? Walaubagaimanapun, boleh dikatakan bahawa fuqaha Hanafiyah mengharuskan juga akad nikah secara panggilan suara dan sidang video jika dikiaskan hukumnya daripada pernikahan secara bertulis bagi yang tidak dapat hadir dalam satu majlis kerana terdapat ‘illah yang sama iaitu kedua-dua keadaan membolehkan pihak masing-masing untuk melafazkan *ījāb* dan *qabūl*, tambahan lagi kedudukannya yang lebih jelas dari aspek pelaksanaan dan perlangsungannya berbanding pernikahan secara bertulis.

## PANDANGAN FUQAHĀ MUTA’AKHKHIRĪN

Dalam kalangan fuqaha *muta’akhkirīn*, antara yang menerima pelaksanaan akad nikah secara atas talian ialah Ibrāhīm Fādil al-Dabw<sup>35</sup>, al-Zuhaylī<sup>36</sup>, Muṣṭafā al-Zarqā<sup>37</sup>, Badrān Abū al-‘Aynayn<sup>38</sup>, Muḥammad ‘Uqlah al-Ibrāhīm,<sup>39</sup> Usāmah ‘Umar Sulaymān al-Asyqar<sup>40</sup>, ‘Abd al-Ilāh bin Mazrū‘ al-Mazrū‘,<sup>41</sup> Muḥammad bin Yaḥyā al-Najīmī,<sup>42</sup> ‘Abd al-‘Azīz Syākir Ḥamdān

<sup>35</sup> Ibrāhīm Fādil al-Dabw, “Hukm Ijrā’ al-‘Uqūd Bi Ālāt al-Ittiṣāl al-Ḥadīthah”, *Majallah Majma‘ al-Fiqh al-Islāmī*, (t.t.) No 6, 56.

<sup>36</sup> Wahbah Muṣṭafā al-Zuhaylī, “Hukm Ijrā’ al-‘Uqūd Bi Ālāt al-Ittiṣāl al-Ḥadīthah”, *Majallah Majma‘ al-Fiqh al-Islāmī*, (t.t.), No 6, , 655.

<sup>37</sup> Muḥammad ‘Uqlah, “Hukm Ijrā’ al-‘Uqūd ‘Abr Wasā’il al-Ittiṣāl,” *Majallah al-Syarī‘ah*, no. 5 (1986) 135.

<sup>38</sup> *Ibid.*

<sup>39</sup> *Ibid.*

<sup>40</sup> Usāmah ‘Umar Sulaymān al-Asyqar, *Mustajiddāt Fiqhiyyah fī Qadāyā al-Ziwāj wa al-Talāq* (Jordan: Dār al-Nafā’is, 2000), 111.

<sup>41</sup> ‘Abd al-Ilāh bin Mazrū‘ al-Mazrū‘, ‘Aqd al-Ziwāj ‘Abr al-Intarnit (t.t.p.: t.p., t.t.), 22.

<sup>42</sup> Muḥammad Ibn Yaḥyā al-Najīmī, *Hukm Ibrām ‘Uqūd al-Ahwāl al-Syakhiyyah Wa al-‘Uqūd al-Tijāriyyah ‘Abr Wasā’il al-Iliktrūniyah* (t.t.p.: t.p., t.t.), 13, 16 dan 17.

al-Kubaysī<sup>43</sup> Muḥammad Khalaf Muḥammad Banī Salāmah<sup>44</sup> dan Syeikh ‘Abd al-‘Azīz Bin Bāz.<sup>45</sup> Secara jelasnya, semua fuqaha yang mengharuskan pernikahan secara atas talian mensyaratkan wajib adanya saksi bagi akad nikah tersebut.

Meskipun kebanyakan daripada fuqaha yang disebutkan tidak menyatakan secara jelas mengenai keharusan akad nikah melalui kaedah sidang video, namun persetujuan mereka dalam mengharuskan akad nikah melalui panggilan suara dan mesej menandakan penerimaan mereka secara jelas terhadap kaedah ini. ‘Umar Sulaymān al-Asyqar dalam karangan beliau *Mustajiddāt Fiqhiyyah fī Qadāyā al-Ziwāj wa al-Talāq* menyebutkan bahawa akad nikah secara atas talian memenuhi kesemua tuntutan rukun dan syarat dari segi lafaz *īyāb* dan *qabūl* serta penyaksian oleh dua orang saksi<sup>46</sup>, bahkan terdapat asas dalam perbahasan fuqaha *mutaqaddimīn* mengenai pernikahan dengan cara ini iaitu seperti yang disebutkan oleh al-Nawawī dalam *al-Majmū‘* di mana sah akad antara dua pihak yang boleh mendengar antara satu sama lain, tidak kira sama ada mereka berada di satu tempat atau tidak, dan begitu juga tidak kira sama ada mereka dapat melihat satu sama lain atau tidak.<sup>47</sup>

Oleh kerana al-Nawawī mengharuskan akad dalam keadaan kedua-dua pihak mungkin tidak melihat satu sama lain, pendapat ini menjadi perintis kepada ijtihad fuqaha *muta'akhkirīn* dalam mengharuskan akad nikah secara atas talian yang mana pelaksanaannya lebih jelas daripada yang digambarkan oleh

<sup>43</sup> ‘Abd al-‘Azīz Syākir Ḥamdān, Ḥukm ‘Aqd al-Ziwāj bi Wasīṭah al-Taqnīyyāt al-Mu‘āṣarah: Wasā’il al-Ittiṣāl al-Masmū‘ah wa al-Mar’iyah Anmūdhjan. Kertas kerja dibentangkan dalam Seminar al-Ankiyah al-Mustahdathah fī Wāqi‘ina al-Mu‘āṣir, Jabatan Pengajian Syariah dan Islam, University of the United Arab Emirates, 28 April 2015.

<sup>44</sup> Muḥammad Khalaf Muḥammad Banī Salāmah, “Masyrū‘iyah ‘Uqūd al-Ziwāj Bi al-Kitābah ‘Abr al-Internet”. *Majallah al-Jāmi‘ah al-Islāmiyyah li al-Dirāsāt al-Islāmiyyah* 12, no. 2 (2014), 533.

<sup>45</sup> <https://islamqa.info/ar/answers/2201/> diakses pada 1 Jun 2021

<sup>46</sup> Usāmah ‘Umar Sulaymān al-Asyqar, *Mustajiddāt Fiqhiyyah fī Qadāyā al-Ziwāj wa al-Talāq* (2000), 108-109.

<sup>47</sup> Muhy al-Dīn Abī Zakariyyā Bin Sharf al-Nawawī, *al-Majmū‘ Sharḥ al-Muhadhdhab*. Madīnah: al-Maktabah al-Salafiyyah, t.t.), 9: 181.

ulama terdahulu, yakni kedua-dua pihak dapat berkomunikasi secara langsung sama ada melalui mesej, panggilan suara, dan lebih-lebih lagi sidang video.

Pendapat ini dikukuhkan lagi dengan asas bahawa terdapat perbincangan dalam kalangan fuqaha *mutaqaddimīn* yang membenarkan penyaksian orang yang buta yang masih boleh mendengar suara pihak yang berakad. Daripada asas ini, mereka membina hujah dengan menyatakan bahawa saksi bagi akad nikah boleh mendengar lafadz *ījāb* dan *qabūl* daripada kedua-dua belah pihak yang menjadikan akad tersebut seakan-akan mereka berada bersama dalam satu majlis.<sup>48</sup>

‘Abd al-Ilāh bin Mazrū‘ al-Mazrū‘ telah menyebutkan bahawa hendaklah dipastikan bahawa tiada main-main dan tipu helah dalam melakukan akad nikah dengan kaedah ini.<sup>49</sup> Walaubagaimanapun, beliau juga menyebutkan bahawa kaedah ini bukanlah dibenarkan secara mutlak, tetapi ia harus dilaksanakan atas dasar darurat seperti keadaan yang menyukarkan kedua-dua pihak untuk berada bersama dalam satu majlis.<sup>50</sup> Selain itu, al-Zuhaylī dan Ibrāhīm Fādil al-Dabw juga berhujah bahawa konsep *ittiḥād al-majlis* bukanlah bermaksud kesemua pihak yang berakad perlu berada dalam tempat yang sama, akan tetapi cukup sekadar mereka berada dalam masa yang sama.<sup>51</sup> Berkenaan kaedah fiqh *yuḥtāṭ fī al-furūj mā lā yuḥtāṭ fī ghayrihā*, ia bukannya menjadi penghalang bagi pelaksanaannya, bahkan ia menjadi syarat pelaksanaan untuk memastikan akad tersebut benar-benar dilaksanakan dalam keadaan selamat daripada penipuan dan penyelewengan.<sup>52</sup>

Walaupun begitu, ‘Umar Sulaymān al-Asyqār menyebutkan bahawa kebanyakan fuqaha tidak mengharuskan pernikahan

<sup>48</sup> Kamaruddin, M.A., “Marriage Contact Using The Internet” (2018), 248-249.

<sup>49</sup> ‘Abd al-Ilāh bin Mazrū‘ al-Mazrū‘, ‘*Aqd al-Ziwāj ‘Abr al-Intarnit*. t.t.p.: t.p., 21.

<sup>50</sup> *Ibid.*

<sup>51</sup> Wahbah Muṣṭafā al-Zuhaylī dan Ibrāhīm Fādil al-Dabw, “Hukm Ijrā’ al-‘Uqūd Bi Ḵalāt al-Ittiṣāl al-Ḥadīthah”, *Majallah Majma‘ al-Fiqh al-Islāmī*, No 6, 655 dan 668.

<sup>52</sup> Usāmah ‘Umar Sulaymān al-Asyqār, *Mustajiddāt Fiqhiyyah Fī Qaḍāyā al-Ziwāj wa al-Talāq*, (2000) 111.

secara atas talian. Antara yang disebutkan oleh beliau adalah fuqaha daripada kalangan al-Lajnah al-Dā'imah li al-Buhūth al-'Ilmiyyah wa al-Iftā' di Arab Saudi dan Majma' al-Fiqh al-Islāmī di Jeddah.<sup>53</sup> Pihak al-Lajnah al-Dā'imah li al-Buhūth al-'Ilmiyyah wa al-Iftā' telah menegaskan pendapat mereka dengan hujah bahawa teknologi pada zaman sekarang boleh menyebabkan berlakunya penyelewengan dan penyamaran identiti. Seseorang itu boleh menyamar dengan mengubah suaranya menjadi mirip suara orang lain, dan tidak mustahil juga bahawa hanya seorang individu sahaja boleh menyamar menjadi beberapa individu yang lain dalam satu masa.<sup>54</sup> Selain itu, akad nikah tidak boleh disahkan dengan semata-mata mendengar suara pihak-pihak yang berakad kerana suara boleh bercampur dan berubah, dan ini hanya mencapai tahap keyakinan secara *zannī* dan bukannya *qaṭī*. Sebaliknya, akad yang berkaitan muamalat harta adalah diharuskan dengan beberapa syarat yang tertentu yang telah ditetapkan. Ini adalah berdasarkan kepada kaedah fiqh *yuhtāt fī al-furūj mā lā yuhtāt fī al-amwāl* (perlu lebih berhati-hati dalam perkara berkaitan kemaluan daripada perkara berkaitan harta).

Merujuk kepada fatwa oleh Majma' al-Fiqh al-Islāmī pula, mereka menyatakan bahawa hukum akad nikah dengan menggunakan alat komunikasi secara moden iaitu melalui mesej ataupun panggilan suara adalah tidak sah dengan berpegang kepada pendapat fuqaha Syāfi'iyyah mengenai syarat saksi iaitu saksi mestilah boleh melihat pelangsungan akad nikah.<sup>55</sup> Walau bagaimanapun, Majma' al-Fiqh al-Islāmī memberikan kelonggaran dengan mengharuskan akad nikah secara atas talian dengan berpegang kepada pendapat fuqaha mazhab lain serta memenuhi kesemua rukun dan syarat nikah sekiranya terdapat keperluan, terutamanya dalam menghadapi pandemik Covid-19

<sup>53</sup> *Ibid.*, 110.

<sup>54</sup> Al-Lajnah al-Dā'imah Li al-Buhūth al-'Ilmiyyah Wa al-Iftā', *Fatāwā Al-Lajnah al-Dā'imah Li al-Buhūth al-'Ilmiyyah Wa al-Iftā'*. Ed. Syeikh Ahmad bin 'Abd al-Razzāq al-Duwaisy. (Riyād: Mu'assasah al-Amīrah, 2018), 9: 50.

<sup>55</sup> Majma' al-Fiqh al-Islāmī al-Sa'ūdī, Bil: 52 (3/6) [1], *Hukm Ijrā' al-'Uqūd bi Ālāt al-Ittiṣāl al-Hadīthah*.

dengan menambah syarat bahawa ia mestilah mendapat keizinan daripada pihak berkuasa.<sup>56</sup>

Merujuk kepada Dār al-Iftā' Mesir pula, mereka menolak keharusan melangsungkan akad nikah secara sidang video dengan hujah bahawa boleh berlaku percampuran dan pengubahan suara walaupun terdapat video yang terpapar, kerana ia sentiasa terdedah kepada penipuan. Selain itu, akad nikah yang berlangsung secara sidang video tidak sampai ke tahap *al-qatī* atau *al-yaqīn* tetapi hanya pada tahan *al-żan* sahaja. Tambahan lagi, dibimbangi akan berlaku pernikahan secara berleluasa oleh golongan ISIS dalam merekrut ahli baru dan memperkuatkannya kuasa mereka.<sup>57</sup> Oleh itu, fatwa ini dilihat sebagai langkah mengekang peluasan kuasa ISIS sekali gus menjaga maqasid dalam pensyariatan perkahwinan.

Di Malaysia pula, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-97 yang bersidang pada 15-17 Disember 2011 telah memutuskan bahawa hukum akad nikah melalui sidang video adalah harus dan memenuhi syarat *ittihād al-majlis* dan dikelaskan sebagai *ittihād al-majāzī* tetapi mestilah mematuhi beberapa syarat-syarat tertentu iaitu majlis perlu berlangsung pada tahap *al-yaqīn* dan bukan *al-żan*, tiada unsur penipuan (*al-gharar*) dan keraguan, cukup semua rukun dan syarat-syarat sah nikah menurut hukum syarak, digalakkan wali sendiri yang mengakad-nikahkan pasangan, terdapat halangan untuk melakukan akad nikah di tempat yang ditentukan kerana berjauhan dan sukar bagi kedua-dua belah pihak berada dalam satu majlis yang sama disebabkan sakit, banjir dan sebagainya dan tertakluk kepada semua peraturan dan undang-undang yang sedang berkuatkuasa.<sup>58</sup> Keputusan ini diterima oleh Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan Bil 1/1433H yang bersidang pada 21 Mac 2012 dengan menyetujui

<sup>56</sup> أخبار-وتقارير/822251-الإفتاء-تحذر-من-زواج-الفيديو-/ الكونفرايس di akses pada 15 Mac 2021

<sup>57</sup> <https://arabic.cnn.com/middleeast/2015/03/05/egypt-fatwa-video-conf-marriage>

<sup>58</sup> Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, *Isu-Isu Fatwa Munakahat Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia*. Cetakan Pertama. (W.P Putrajaya: JAKIM, 2013), 12-13.

semua syarat-syarat yang diputuskan.<sup>59</sup> Begitu juga Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor memutuskan bahawa hukum nikah melalui sidang video adalah harus dengan syarat-syarat yang sama kecuali tidak dinyatakan galakan supaya wali sendiri yang mengakad-nikahkan pasangan.<sup>60</sup> Namun begitu, tiada sebarang fatwa yang dikeluarkan oleh badan fatwa tempatan terhadap hukum pernikahan secara atas talian melalui mesej atau panggilan suara. Oleh itu, hukum tersebut berbalik semula kepada pendapat fuqaha Syāfi'iyyah yang menjadi rujukan utama dalam undang-undang keluarga Islam di Malaysia<sup>61</sup> iaitu kedua-dua cara tersebut tidak sah kerana pernikahan secara bertulis adalah *kināyah* sementara pernikahan secara panggilan suara pula tidak membolehkan saksi melihat akad nikah tersebut berlangsung sedangkan syarat saksi bagi nikah mestilah boleh melihat dan mendengar.

## KESIMPULAN

Pada dasarnya fuqaha *mutaqaddimīn* dalam kalangan jumur fuqaha Mālikī, Syāfi'i dan Ḥanbali menolak keharusan bernikah secara mesej atau kaedah-kaedah lain seperti panggilan suara dan sidang video atas alasan-alasan dan dalil-dalil yang dikemukakan, manakala fuqaha Hanafī berdasarkan *qiyyās* atas perkahwinan melalui *al-kitābah* atau tulisan dan *al-risālah*, mengharuskan perkahwinan melalui hantaran mesej dengan mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Walaubagaimanapun, perkahwinan yang dilakukan melalui panggilan suara dan sidang video pula tidak dapat disimpulkan secara jelas pandangan fuqaha *mutaqaddimīn* mengenai perkara ini kerana tidak dijumpai perbahasan yang menghuraikan dengan tuntas mengenai apakah yang dimaksudkan dengan *ittihād al-majlis*. Adakah ia bermaksud kedua-dua pihak yang berakad dan juga dua orang saksi mesti berada bersama secara

<sup>59</sup> <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/fatwa/fatwa/find/pr/12419> diakses pada 12 Disember 2020

<sup>60</sup> Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor Bil. 1/2016, bersidang pada 19 Januari 2016.

<sup>61</sup> Raihanah Hj Azahari, "Kedudukan Mazhab Syāfi'i dalam Undang-Undang Keluarga Islam: Satu Realiti," *Jurnal Fiqh* 4 (2007), 257-258.

fizikal iaitu berada dalam satu tempat ataupun memadai berada bersama dalam satu masa sahaja. Bagaimana pun sebilangan fuqaha *mutaakhirin* dengan mengambil kira konteks semasa dan perkembangan dalam dunia teknologi menerima pelaksanaan akad nikah secara atas talian, dengan syarat tiada unsur main-main dengan lafaz akad yang dilakukan, manakala sebilangan yang lain pula menolak keharusannya kerana mengambil pendekatan berhati-hati dalam urusan hukum pernikahan. Pada hakikatnya perkembangan teknologi memberikan banyak manfaat dalam mencukupkan dan mempermudahkan urusan dan kehidupan harian manusia di samping unsur-unsur yang memudarangkan. Oleh kerana itu, penulis cenderung kepada pandangan yang mengharuskan pernikahan secara atas talian dengan kaedah sidang video apabila terdapat darurat dan keperluan dengan memenuhi kesemua syarat dan rukun serta mencapai tahap yakin kerana ia merupakan kaedah yang paling tinggi tahap keyakinannya. Adapun berkenaan kaedah *yuhtāt fī al-furūj mā lā yuhtāt fī al-amwāl*, penulis bersetuju bahawa ia tidak bermaksud larangan daripada melakukan akad nikah secara atas talian, sebaliknya ia melazimkan pihak yang berakad supaya lebih berhati-hati dalam melaksanakannya.

## RUJUKAN

- ‘Abd al-‘Azīz Syākir Ḥamdān, Ḥukm ‘Aqd al-Ziwāj bi Wasīṭah al-Taqniyyāt al-Mu‘āṣarah: Wasā’il al-Ittiṣāl al-Masmū‘ah wa al-Mar’iyyah Anmūdhjan. Kertas kerja dibentangkan dalam Seminar al-Ankiyah al-Mustahdathah Fī Wāqi‘ina al-Mu‘āṣir, Jabatan Pengajian Syariah dan Islam, University of the United Arab Emirates, 28 April, 2015.
- ‘Abd al-Ilāh bin Mazrū‘ al-Mazrū‘, ‘*Aqd al-Ziwāj ‘Abr al-Intarnit*. t.tp.: t.p. t.t
- ‘Alā’ al-Dīn Abī Bakr Ibn Mas‘ūd al-Kasānī *Badrā’i ‘al-Ṣanā’i ‘Fī Tartīb al-Syarā’i*, ed. Syeikh ‘Alī Muḥammad dan Syeikh ‘Ādil Aḥmad. Cetakan Kedua. Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah. Juzuk 3, 2003.

- ‘Alā’ al-Dīn Bin Balbān al-Fārisī. *Al-Ihsān Fī Taqrīb Ṣahīḥ Ibn Hibbān*. Ed Markaz al-Buhūth Wa Taqniyah al-Mā'lūmāt. Cetaka Pertama. Bayrūt: Dār al-Ta’sīl. Jld. Kelima, 2014.
- Abū ‘Abd al-Rahmān Aḥmad Bin Syu’ayb Al-Nasā’ī, *Al-Sunan al-Kubrā*. Ed. Ḥasan ‘Abd al-Mun‘im. Cetakan Pertama. Beirūt: Mu’assasah al-Risālah. Juzuk 3, 2001
- Abū ‘Abdullāh Muḥammad Bin Muḥammad Bin ‘Abd al-Rahmān Al-Haṭṭābī , *Mawāhib al-Jalīl Li Syarḥ Mukhtaṣar Khalīl*. Ed. Zakariyā ‘Amīrāt. Beirūt: Dār ‘Ālim al-Kutub. Juzuk Kelima. 2003.
- Abū al-‘Abbās Aḥmad Bin Muḥammad al-Ṣāwī , *Bulghah al-Sālik li Aqrab al-Masālik (Hāsyiah al-Ṣāwī ‘Alā Syarḥ al-Ṣaghīr)*. T.t.p., Dār al-Ma‘ārif, Juzuk 2, (t.t)
- Abū al-Walīd Muḥammad Bin Aḥmad Bin Muḥammad Bin Rusyd, Bidāyah al-Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtaṣid. Ed. Muḥammad Subhī Ḥasan Ḥalāq. Cetakan Pertama. Qāhirah: Maktabah Ibn Taymiyyah. Jld. Ketiga, 1995.
- Ḩāfiẓ al-Dīn al-Nasfī (1997). *Al-Bahr al-Rā’iq Syarḥ Kanz al-Daqā’iq (Fī Furū‘ al-Hanafiyah)*. Cetakan Pertama. Beirūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah. Juzuk Ketiga, 1997.
- <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/fatwa/fatwa/find/pr/12419>  
diakses 12 Disember 2020
- [https://alwafdf.news/822251-%D8%A7%D9%84%D8%AA%D8%AA%D8%A7%D8%A1-%D8%AA%D8%AE%D8%AF-%D8%AC%D9%86-%D8%A7%D9%84%D9%88%D8%A7%D9%8A%D9%87%D9%8A%D9%86/](https://alwafdf.news/822251-%D8%A7%D9%84%D8%AA%D8%AA%D8%B1%D8%A7%D8%A1-%D8%AA%D8%AE%D8%AF-%D8%AC%D9%86-%D8%A7%D9%84%D9%88%D8%A7%D9%8A%D9%87%D9%8A%D9%86/)  
diakses pada 15 Mac 2021
- <https://arabic.cnn.com/middleeast/2015/03/05/egypt-fatwa-video-conf-marriage> diakses pada 10 September 2020
- <https://islamqa.info/ar/answers/2201/> diakses pada 1Jun 2021
- Ibrāhīm Fāḍil al-Dabw. “Ḥukm Ijrā’ al-‘Uqūd Bi Ālāt al-Ittiṣāl al-Ḥadīthah”. *Majalah Majma‘ al-Fiqh al-Islāmī*. ed. Usamah Bin Zahra’. Jld.. 6, t.t.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, *Isu-Isu Fatwa Munakahat Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia*. Cetakan Pertama. W.P Putrajaya: JAKIM, 2013.

- Jalāl al-Dīn ‘Abd al-Rahmān al-Suyūṭī, *Al-Asybāh wa al-Nazā’ir Fī Qawā’id wa Furū’ Fiqh al-Syāfi‘iyyah*, Cetakan Pertama Beyrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1983.
- Jalāl al-Dīn Muḥammad Bin Aḥmad Bin Muḥammad Jalāl al-Dīn Muḥammad Bin Aḥmad Bin Muḥammad Al-Maḥallī, *Kanz al-Rāghibīn Syarḥ Minhāj al-Tālibīn*. Cetakan Kedua. Jeddah: Dār al-Minhāj. Jld. Kedua, 2013
- Kamaruddin, M.A. “Marriage Contact Using The Internet.” *Malaysian Jurnal of Syariah and Law* 7 (2018), 227-258.
- Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor Bil 1/2016, bersidang pada 19 Januari 2016.
- Al-Lajnah al-Dā’imah Li al-Buhūth al-‘Ilmiyyah Wa al-Iftā’, *Fatāwā Al-Lajnah al-Dā’imah Li al-Buhūth al-‘Ilmiyyah Wa al-Iftā’*. Ed. Syeikh Aḥmad bin ‘Abd al-Razzāq al-Duwaysy. Riyāḍ: Mu’assasah al-Amīrah. Jld. 9, 2018.
- Majma‘ al-Fiqh al-Islāmī al-Sa‘ūdī, Bil: 52 (3/6) [1], Ḥukm Ijrā’ al-‘Uqūd Bi Ālāt al-Ittiṣāl al-Ḥadīthah.
- Mansur Ibn Yūnus Ibn Idrīs al-Bahūtī, *Sharḥ Muntahā al-Irādāt al-Musammā Daqā’iq Ūlī al-Nuhā li Sharḥ Muntahā*. Cetakan Pertama. Bayrūt: ‘Ālim al-Kutub, Juzuk Kedua, 1993.
- Mufidah ‘Abd al-Wahhāb Muḥammad Ibrāhīm. “Ḥukm Ijrā’ ‘Aqd al-Nikāḥ ‘Abr al-Wasā’il al-Iliktrūniyyah al-Ḥadīthah.” *Majallah Kulliyah al-Syarī‘ah wa al-Qanūn* 20, no. 2, (2018), 1219-1248.
- Muhammad ‘Uqlah. “Ḥukm Ijrā’ al-‘Uqūd ‘Abr Wasā’il al-Ittiṣāl.” *Majallah al-Syarī‘ah* 5 (1986).
- Muhammad Abū Zuhrah. *al-Ahwāl al-Shakhṣiyah*. Cetakan Ketiga. t.t.p.: Dār al-Fikr al-‘Arabī, 1958.
- Muhammad Amīn Ibn ‘Ābidīn, *Radd al-Mukhtār ‘Alā al-Durr al-Mukhtār Sharḥ Tanwīr al-Abṣār*, ed. Syeikh ‘Ādil Aḥmad ‘Abdul Mawjūd dan Syeikh ‘Alī Muḥammad Mu‘awwad. Riyāḍ: Dār ‘Ālim al-Kutub. Juzuk 4, 2003.
- Muhammad Ibn Yahyā al-Najīmī. *Ḥukm Ibrām ‘Uqūd al-Ahwāl al-Syakhṣiyah Wa al-‘Uqūd al-Tijāriyyah ‘Abr Wasā’il al-Iliktrūniyyah*. t.t.p.: t.p., t.t.

- Muhammad Khalaf Muhammad Banī Salāmah. “Masyrū‘iyyah ‘Uqūd al-Ziwāj Bi al-Kitābah ‘Abr al-Internet”. *Majallah al-Jāmi‘ah al-Islāmiyyah Li al-Dirāsāt al-Islāmiyyah*, jld 12, no. 2 (2014), 509-535,
- Muhy Al-Dīn Abī Zakariyyā Bin Syaraf Al-Nawawī, *Rawdah al-Tālibīn Wa ‘Umdah al-Muftīn*. Cetakan Ketiga. Bayrūt: Al-Maktab al-Islāmī. Juzuk Ketujuh, 1991.
- Muhy al-Dīn Abī Zakariyyā Ibn Sharf al-Nawawī. *al-Majmū‘ Sharḥ al-Muhadhdhab*. Madīnah: al-Maktabah al-Salafiyyah. Jld. 9, t.t
- Muṣṭafā Bin Sa‘d Bin ‘Abduh al-Suyūtī al-Rahībānī. *Maṭālib Ūlī al-Nuhā fī Sharḥ Ghāyah al-Muntahā*. Bayrūt: al-Maktab al-Islāmī. Juzuk 5,1994.
- Raihanah Hj Azahari. “Kedudukan Mazhab Syafi’i dalam Undang-Undang Keluarga Islam: Satu Realiti.” *Jurnal Fiqh* 4 (2007), 257-258.
- Şālihī, ‘Abd al-Rahīm. “In‘iqād al-Ziwāj bi al-Barīd al-Iliktrūnī Dirāsah Muqāranah Bayna al-Fiqh al-Islāmī wa al-Qānūn al-Jazā’irī.” *Majallah al-Dafātir al-Siyāsah wa al-Qānūn (Journal of Politic and Law)* 7 (2012), 189-196.
- Shams al-Dīn Bin Muḥammad Bin Muḥammad al-Khaṭīb al-Syarbīnī. *Mughnī al-Muhtāj Ilā Ma‘rifah Ma‘ānī Alfāz al-Minhāj*, ed. ‘Alī Muḥammad Mu‘awwad dan ‘Ādil Aḥmad ‘Abd al-Mawjūd. Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah. Juzuk 4, 2000.
- Shams al-Dīn Bin Muḥammad Bin Muḥammad al-Khaṭīb al-Syarbīnī. *al-Iqnā‘ fī Ḥilli Alfāz Abī Shujā‘*. Eds, ‘Alī Muḥammad Mu‘awwad dan ‘Ādil Aḥmad ‘Abd al-Mawjūd. Cetakan Ketiga. Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah. Juzuk 2, 2004
- Usāmah ‘Umar Sulaymān al-Asyqar. *Mustajiddāt Fiqhiyyah Fī Qaḍāyā al-Ziwāj wa al-Ṭalāq*. Cetakan Pertama. Jordan: Dār al-Nafā‘is, 2000.
- Wan Mohamed Radzi, C., & dan Bakar, O. “Teknologi Menurut Perspektif Barat dan Islam.” *Jurnal Usuluddin* 3 (1996), 147-155.

Zayn al-Dīn Bin Ibrāhīm Bin Muḥammad Ibn Nujaym. *al-Bahr al-Rā'iq Syarḥ Kanz al-Daqā'iq*. Cetakan Kedua. Qāhirah: Dār al-Kitāb al-Islāmī, Juzuk 3, t.t.

Al-Zuhaylī, Muḥammad. *al-Mu'tamad fī al-Fiqh al-Shāfi'ī*. Cetakan Ketiga. Damsyiq: Dār al-Qalam. Juzuk Keempat, 2011.

Al-Zuhaylī, Wahbah. “Ḥukm Ijrā’ al-‘Uqūd Bi Ḵalāt al-Ittiṣāl al-Ḥadīthah”. *Majallaḥ Majma‘ al-Fiqh al-Islāmī*. ed. Usāmah Bin Zahra’. Jld. 6, t.t.

Al-Zuhaylī, Wahbah. *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, Cetakan Kedua. Damsyiq: Dār al-Fikr. Jld. 7, 1985.